

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]
TARIKH : 01 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah pembinaan hospital baru Sepang di Cyberjaya akan bermula.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebuah hospital awam akan dibangunkan di Cyberjaya untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Hospital ini apabila beroperasi kelak dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di Hospital Putrajaya.

Projek tersebut kini dalam peringkat proses tender dan dijangka akan dimulakan pada awal 2017 dengan tempoh pembinaan selama tiga (3) tahun.